

Prof Hajah Mustafa TNC Penyelidik & Inovasi USIM

Nilai: Dekan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Hajah Mustafa Mohd Hanefah (**gambar**) dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi pertama universiti itu berkuat kuasa Isnin lalu.

Pelantikan bagi tempoh tiga tahun berakhir 14 April 2016 itu mencatat sejarah baharu kepada USIM selepas 13 tahun penubuhannya sekali gus mencerminkan pengiktirafan tinggi Kementerian Pengajian Tinggi kepada universiti itu dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya berkaitan sains Islam.

Berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Hajah Mustafa kemudian meneruskan pengajian sarjana di University of Wollongong, Australia sebelum memperoleh doktor falsafah (PhD), University of Memphis, Tennessee, Amerika Syarikat dalam bidang yang sama.

Pengalaman akademik beliau bagaimanapun bukan halangan untuk



mengetuai bidang penyelidikan dan inovasi USIM, malah beliau berperanan penting dalam mentransformasi dan memperkemas pengurusan penyelidikan pensyarah universiti itu. Beliau

juga aktif dalam penulisan ilmiah selain berpengalaman luas dalam aspek pengurusan dan pentadbiran universiti.

Pencapaian

Antara kejayaan beliau ialah menubuhkan beberapa pusat tanggungjawab seperti Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP), Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) dan Pusat Kecemerlangan (COE) yang diletakkan di bawah pentadbiran beliau ketika bergelar Dekan Penyelidikan dan Inovasi.

Beliau juga berperanan membantu memperkasakan aktiviti R&D USIM baik dari segi kualiti dan kuantiti dengan kejayaan menggondol pelbagai anugerah dan kemenangan dalam pameran penyelidikan dan reka cipta pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Simbolik penyerahan surat pelantikan Menteri Pengajian Tinggi kepada beliau disempurnakan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail pada satu majlis di pejabat Naib Canselor.

Bekas Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat itu sebelum ini pernah menjawat jawatan penting di Universiti Utara Malaysia (UUM) sebelum menjawat jawatan Dekan Penyelidikan dan Inovasi USIM sejak 2010.